

BAB 5
PENTADBIRAN BARAT DI
SARAWAK DAN SABAH

BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

1. Berapakah jumlah kerajaan Melayu yang terdapat di Sarawak? (m/s 110)
 - A. 4
 - B. 5
 - C. 3
 - D. 7
2. Siapakah pemimpin utama bagi masyarakat Iban? (m/s 111)
 - A. Tua Kapong
 - B. Peran Lepo
 - C. Tuai Rumah
 - D. Menteri
3. Pemimpin masyarakat Kadazandusun dikenali sebagai _____ (m/s 111)
 - A. Majlis Kampung
 - B. Tukang Adat
 - C. Kelunan Maren
 - D. Orang Tua
4. Berapakah jumlah etnik yang terdapat di Sarawak? (m/s 110)
 - A. 10
 - B. 17
 - C. 20
 - D. 34
5. Apakah yang menjadi asas kepada kekuasaan Kesultanan Brunei di Sabah? (m/s 113)
 - A. Keturunan pemimpin
 - B. Penguasaan tanah
 - C. Pencapaian pemimpin
 - D. Pencapaian keturunan
6. Pada abad berapakah sistem Kotua Bebas mula diwujudkan di Sabah? (m/s 113)
 - A. Abad ke-17
 - B. Abad ke-19
 - C. Abad ke-14
 - D. Abad ke-15
7. Berikut ialah hasil kekayaan Sarawak yang telah menarik minat James Brooke kecuali (m/s 114)
 - A. sagu
 - B. antimoni
 - C. emas
 - D. sarang burung
8. Siapakah yang telah dihantar oleh Brunei untuk menyelesaikan masalah di Sarawak? (m/s 114)
 - A. Pangiran Indera Mahkota
 - B. Pangiran Muda Raja Hashim
 - C. Datu Patinggi Ali
 - D. James Brooke
9. Apakah hubungan kekeluargaan antara Pangiran Raja Muda Hashim dengan Sultan Brunei? (m/s 114)
 - A. Sepupu sultan
 - B. Bapa saudara sultan
 - C. Anak saudara sultan
 - D. Abang sultan
10. Berikut merupakan strategi James Brooke untuk menguasai Sarawak kecuali (m/s 115-116)
 - A. rundingan
 - B. ugutan
 - C. perjanjian
 - D. manipulasi
11. Apakah hasil ekonomi Sabah yang mendapat pasaran tinggi di China? (m/s 121)
 - A. Teh
 - B. Emas
 - C. Tembakau
 - D. Sarang burung

12. Antara berikut, yang manakah menggunakan undang-undang Barat dalam sistem perundangan di Sabah? (m/s 129)

- A. Mahkamah Adat
- B. Mahkamah Majistret
- C. Mahkamah Anak Negeri
- D. Mahkamah Residen

13. Apakah alasan yang digunakan James Brooke untuk menentang orang Iban di Saribas dan Batang Lupar? (m/s 117)

- A. Menghapuskan lanun
- B. Mempertahankan kota
- C. Mengukuhkan ekonomi
- D. Melaksanakan pembaharuan

14. William Hood Treacher pernah berkhidmat semasa pentadbiran SBUB di Sabah. Apakah jawatan beliau ketika itu? (m/s 123)

- A. Gabenor
- B. Residen
- C. Presiden
- D. Pegawai Tadbir

15. Apakah asas penting dalam pentadbiran sistem Kesukuan di Sarawak dan Sabah? (m/s 110)

- A. Pegangan adat
- B. Pengaruh asing
- C. Sokongan penduduk
- D. Kebijaksanaan pembesar

16. Siapakah yang mengetuai pentadbiran di Sarawak? (m/s 124)

- A. Majlis Tertinggi
- B. Majlis Negeri
- C. Raja Brooke
- D. Residen

17. Antara syarat yang perlu dipatuhi oleh SBUB untuk menerima Piagam Diraja pada tahun 1881 ialah (m/s 123)

- I Memajukan ekonomi
- II Menerima Penasihat British

III Menjaga adat resam penduduk tempatan

IV Melantik pembesar Melayu sebagai Pegawai Tadbir

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

18. Pilih pernyataan yang benar tentang Mahkamah Anak Negeri (m/s 129)

I Diadili oleh Ketua Anak Negeri

II Dipengaruhi undang-undang Barat

III Mengadili kesalahan pedagang asing

IV Mengguna pakai undang-undang tempatan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

19. Pernyataan berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran di Sabah.

Sistem Ketua Bebas

Apakah kriteria yang perlu ada pada individu untuk dilantik menjadi Ketua Bebas? (m/s 113)

I Sikap berani

II Bernilai moral

III Disayangi orang ramai

IV Sikap keperwiraan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

20. Apakah langkah yang diambil oleh Pangiran Raja Muda Hashim untuk menamatkan pemberontakan Penduduk di Sarawak? (m/s 114)

- A. Meminta bantuan Belanda
- B. Meminta bantuan Portugis
- C. Meminta bantuan SHTI
- D. Meminta bantuan James Brooke

BAHAGIAN C : SOALAN ESEI

1. Kedudukan yang strategik dan kekayaan ekonomi adalah faktor penting yang menjadi tarikan pemodal asing ke Sabah.

- a) Jelaskan kedudukan yang strategik yang mendorong kedatangan kuasa barat ke Sabah.

- b) Perihalkan kekayaan ekonomi Sabah yang menarik minat pelabur luar ke Sabah.

- c) Negara kita kaya dengan pelbagai hasil bumi yang mampu menyumbang kea rah kemajuan negara. Jelaskan usaha-usaha kea rah mengeksplotasi pelbagai sumber berkenaan.

Cadangan jawapan 1 a) :

F1 : Sabah berada di tengah-tengah laluan perdagangan antara China dan Singapura
F2 : Sabah berhampiran dengan laluan Pulau Pahlawan yang merupakan laluan maritime ke China dan Jepun
F3 : penting dalam aktiviti perdagangan yang melibatkan kepulauan Sulu hingga New Guinea dan Australia
F4 : Pelabuhan semulajadi yang strategik, contohnya pelabuhan utama di Teluk Gaya
F5 : kapal boleh berlabuh dengan selamat dari tiupan angin monsun

Cadangan jawapan 1 b) :

F1 : kaya dengan hasil hutan
C1a : sarang burung, sagu, rotan, getah perca
F2 : Hasil laut
C2a : gamat dan sirip ikan yu
F3 : telah lama memasuki pasaran antarabangsa
F4 : Barangan ini didagangkan dengan pedagang asing yang datanag ke Sabah
F5 : Sarang burung mendapat permintaan tinggi dari China
H5a: Barat berminat mendapat barangan dari China
H5b: sarang burung menjadi barang dagangan yang penting untuk dibawa ke China
F6 : Tanaman seperti indigo dan kapas diusahakan
H6a: sesuai hidup subur di kawasan dataran dan lembah
H6b: hal ini menyebabkan tanaman komersial dijalankan

Cadangan jawapan 1 c) :

M1 : Menjalankan kegiatan penyelidikan
M2 : Menghasilkan dan menggunakan teknologi baru
M3 : Kreatif dan inovatif dalam pemasaran
M4 : melatih tenaga mahir
M5 : Menggalakkan pelaburan asing
M6 : Mendapat khidmat pakar dari negara maju
M7 : Perancangan rapi dan sistematik
M8 : sentiasa membuat penilaian dan penambahbaikan